

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN  
DEWAN RAKYAT MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA  
PARLIMEN KETIGA BELAS**

---

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**TARIKH : 7 Mac 2017**

**SOALAN**

Dr. Che Rosli bin Che Mat [ Hulu Langat ] minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan jumlah dan senarai rumah-rumah Kebajikan Swasta yang merangkumi rumah Orang Tua, Anak Yatim, Pusat Pemulihan Akhlak yang diiktiraf oleh Kementerian di Semenanjung yang dapat membantu bersama Kementerian dalam menyelesaikan masalah masyarakat.

## **JAWAPAN**

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) bertanggungjawab memastikan pusat jagaan supaya berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM). Jumlah pusat jagaan yang telah berdaftar pada tahun 2016 adalah sebanyak 373 buah. Jumlah pusat jagaan berdaftar yang terdapat di dalam rekod JKM adalah sebanyak 77 buah bagi kategori warga emas manakala sebanyak 215 buah kategori kanak-kanak dan 81 buah bagi lain-lain kategori seperti OKU, wanita dan pelbagai. Pusat jagaan kategori kanak-kanak merangkumi kanak-kanak yang memerlukan perlindungan dan pemulihian. Pusat jagaan yang berdaftar ini telah dapat memenuhi permintaan dan keperluan masyarakat bagi memastikan ibubapa/waris mereka mendapat perlindungan sewajarnya.

